

DI BAWAH LEMBAYUNG – ALLAH AL-AWALUN-WAL-AKHIRUN

BISMILLAH, adalah kalimat. Dari awal kalam dengan rahmat, pengharapan dengan sifat belas kasih dari Khalik terhadap makhluk. Kesempatan ini, khusus kepada mereka ahli Persaudaraan Nasrulhaq Malaysia, mereka yang bekas dan meminati ilmu jurus itu. Selain dari itu adalah rakan-taulan, teman, sahabat handai dan kenalan. Mereka yang jauh lebih berpengetahuan dan pengalaman, semua mereka yg mengenali dan mereka yang berjasa. Tidak ada ertinya 'jasa' kalau tidak diselami dengan perasaan kesyukuran, tidak akan ada 'bahagia' hati melain dengan ketulusan dan keikhlasan sesungguhnya 'perbuatan dan amalan' itu hanya untuk Allah. Melain dengan kata hati, '..kasih ku untuk Allah..'; dan 'pengharapan keredhaan, Allah redhahlah atas ku..' adalah suatu tempat 'dari tempat terlindung'. Dan '..Allah, ampunilah dosa-dosa kami..'; sungguh yang 'lalai' itu adalah 'insan'. Insan itu 'pelupa'.

Dan **sesungguhnya nafsuku itu sentiasa mendorong kepada kejahatan.** Melain dengan mereka yang diberi taufik wal-hidayah, melain dengan kekuatan yang sebenar kekuatan. Adalah 'la haiyunn la qaiyum' dan adalah 'qudhrat wal-iradhat'. Dan Allah adalah segala tempat 'penguasa sangat berkuasa'. Memiliki setiap hati dan nurani. Mentadbir alam dan kehidupan, mendatangkan segala 'sesuatu' yang sentiasa bersilih ganti. Berganti dan bertukar-tukar, berubah-ubah dan hilang dari pandangan dan ingatan. Bahawasanya yang kekal abadi, tetap dan tidak berubah itu adalah sifat tuhan mu yang suci. Kekal dan SATU. ESA dan UNGGUL. Moga-moga dalam ruangan yg sempit ini kita dapat berkongsi-kongsi buat yang sedikit, seperti belanga yang isinya tinggal kerak guna untuk dimakan beramai-ramai.

Aidil-Fitri

Sempena akhir dan penghujung bulan Ramadhan ini, semua orang menunggu untuk menyambut pada hari kemenangan setelah menjalani kehidupan dengan berpuasa.

Menahan dan menjaga segala perbuatan dan amalan yg membatalkan atau mengurangkan akan pahala ia. Jika tidak nanti seperti sabda nabi Muhammad saw, **Kebanyakan mereka itu mendapat pahala lapar dan dahaga.** Moga diwaktu lain Allah akan memberi kita 'kekuatan' sebenar 'kekuatan'. Dalam menjalani, melatih diri dengan menjadikan hawa-nafsu sebagai puncak segala punca keengkar, kedegilan dan malas. Moga Allah akan memberi kekuatan dan kesedaran pada akan datang untuk terus berusaha, untuk mendapatkan erti berpuasa yang sebenarnya.

Namun, 'agama' itu bukan budaya. Agama itu suatu pegangan / kepercayaan yang perlu terbit dari lubuk hati. Mempercayai dengan 'sesuatu' yang mengatakan akan dia itu 'sesuatu' yang sangat besar erti pada diri dan kehidupan, yakni kepercayaan kepada tuhan. Tetapi ada 'budaya' yang menjadi 'agama' dan sebahagian dari 'aktiviti keagamaan'. Budaya yang menjadi agama kerana adanya falsafah. Selain adanya sifat taksub dan keagungan pada sesuatu yang dianggap magis.

Agama bukan falsafah. Falsafah boleh menjadi pegangan tetapi bukan panduan.

Aidilfitri dari perkataan **aindul-fitri yang membawa kepada kembali kepada fitrah.**

K'dian apakah ertinya kembali kepada fitrah itu? Dalam pengajian dan pengkhususan sejarah dan wujudnya pemikiran dan tamadun, semua peneraju-peneraju dalam bidang itu memiliki suatu tanggapan bahawa wujudnya 'kuasa' yang menguasai alam. Sejarah perkembangan **Plutinos** dalam falsafah Greek dan Yunani yang banyak melahirkan ahli falsafah, tidak terkecuali mereka juga percaya bahawasanya alam

yang itu ditadbir oleh suatu kuasa dan penguasa yang sangat gagah perkasa, bijaksana lagi dapat mentadbir dengan peraturan dan sistem-sistem kehidupan alam yang unik. Dari kejadian air pasang surut di laut hinggalah kepada kejadian siang bersilih ganti.

Fitrah manusia itu **ialah mereka mengenali tuhan. Firman Allah ta'ala sewaktu bertanya kepada sekalian roh, “..siapakah KAMI di sisi kamu? Maka jawab sekalian roh, Bahkan KAMU-lah tuhan kami..”**;

Dalam setiap jiwa manusia tanpa mengenali budaya dan bangsa, agama dan bahasa. Walau dia dilahir tanpa kepercayaan secara natural tanpa dipengaruhi oleh mana-mana faktor / doktrin atau pengaruh, jiwanya pasti akan berdetik-detik untuk mengatakan 'kewujudan' dari penyaksian dan penglihatan mata dan kotak fikirannya. Sungguh bahawa aku dan alam semesta tidak dapt dengan sendiri-sendiri terus berdiri dan berada di sini (hidup). Tidak mungkin langit yang terbuka, bintang yang berkedipan, cahaya yang menerangi, matahari yang panas dan membahang, api yang membinasakan, naluri dari kasih sayang dan kehendak kecintaan, peranan fikiran dan akal budi. Segala tidak mungkin terjadi tanpa suatu yang menjadikan. Mencipta keadaan sedimikian itu.

Dan dari itu semua agama-agama langit mengajar manusia tentang Tauhid.

Agama Tauhid itu adalah risalah-risalah yang memberi jawapan dan ketetapan yang benar bahawa yang membawa kepada wujud kehidupan ini adalah 'tuhan mu'. Maka tuhan yang sebenar-benarnya layak disembah, diagungkan, ditetapkan, diyakini, dipercayai itu ialah Allah ta'ala. Andaikata jika kita menyambut aidil-fitri itu dengan sekadar untuk melepas kesusahan dari terhalang untuk makan dan minum, menyambut dengan makanan, minuman, pakaian baru, hidangan yang mewah, bercuti dan berkunjung ke rumah jiran tetangga, maka tanpa kesedaran dari perkataan aidilfitri itu, jadilah itu satu budaya.

Budaya hari raya bukan lagi satu perbuatan dan amalan yang melahirkan kesedaran-kesedaran tentang hakikat kehidupan. Kesedaran dengan KEMBALI KEPADA FITRAH manusia itu ialah menyaksikan kebenaran bahawa mereka sebenarnya mengenali tuhan itu. Mereka sebenarnya pernah mengakui kewujudan tuhan itu sejak mereka sebelum dizahirkan / diciptkan ke alam dunia. Mereka sebenar-benarnya mengetahui bahawa kewujudan kehidupan itu adalah dengan kehendak tuhan mereka. K'dian mereka akan dikembalikan kepada tuhan mereka. **Firman Allah ta'ala, sesungguhnya kampung akhirat itu adalah kekal abadi.**

Dengan ini, saya memohon maaf, keampunan kepada seluruh warga dan ahli PNM di mana mereka berada. Ada pada keadaan tertentu memang saya berjanji untuk berkunjung, bertemu sekadar kunjungan biasa yang mungkin ini berbincang dan mengetahui dari hal jurus PNM, namun faktor-faktor masa dan kehidupan yang tidak dapat menjadikan ia satu kenyataan selain jarak tempat.

Kita perlu memberi peringatan, bahawa Nabi menyuruh kita kasih dan cinta kepada 'ulamak', kerana mereka itu adalah 'pewaris nabi', kemudian bagi kita tentulah golongan ulamak itu terpisah dengan masyarakat awam, tetapi golongan dibawah ulamak itu pula tentulah para guru (agama) yang boleh kita dampingi. Kasih dan cinta kepada mereka itu akan membawa barakah/ berkat. Kata golongan ulamak,

memandang muka orang yang alim itu mendapat pahala. Pada wajah mereka itu ada 'nur' yang terpancar.

Ada golongan yang meletakkan pemimpin dari kalangan guru silat, guru ilmu kebatinan dengan berbagai kaedah dan peraturan/ adap untuk meletakkan 'guru' mereka itu tempat yang mulia dan dihormati. Kita perlu sedarkan golongan muda-mudi kita, bahawa yang diajar oleh nabi kita itu ialah kasihkan para ulamak. Memang iman itu mengajar kasihkan oran tua, tetapi antara dua kedudukan itu mana yang lebih tinggi kemuliaan yang perlu diletak dan diasuh dalam jiwa dan fikiran kita.

“JIKA KAMU INGIN KEJAYAAN DI DUNIA, KAMU PERLUKAN ILMU DAN JIKA KAMU INGIN BERJAYA DI AKHIRAT JUGA PERLUKAN ILMU – maksud Hadis saw.”

Salam aidilfitri.

Anazil bin Nordin
Kuala Kangsar Bandar Diraja